

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 JANUARY 2017

● Pintu rundingan sudah tutup ● PPBM utamakan kerjasama dengan DAP

Dr. Mahathir tolak Pas

um - 23/1/2017

Oleh **FITRI AFFENDI MUSTAFA**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 JAN.

TUN Dr. Mahathir Mohamad memilih untuk melupakan pakatan dengan Pas apabila Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) pimpinannya mahu mengutamakan kerjasama dengan DAP bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Dalam satu temu bual bersama akhbar Singapura, *The Sunday Times* yang disiarkan menerusi portal www.straitstimes.com hari ini, bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau bersedia menutup sebarang pintu rundingan dengan Pas ekoran keengganan parti Islam tersebut bekerjasama dengan parti sekutu PPBM dalam pakatan pembangkang.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi PPBM yakin pakatan pembangkang tidak memerlukan Pas untuk mengalahkan Barisan Nasional (BN) yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Najib

Tun Razak dalam PRU-14.

Beliau berkata, Pakatan Harapan yang diketuai DAP dan turut dianggotai PKR, PAN dan PPBM itu sudah mencukupi untuk mengalahkan BN dan Pas.

“Kita telah bersedia untuk pertarungan tiga penjur. Kita perlu menentang Pas. Kami rasa dalam kebanyakan keadaan, kita boleh menewaskan Pas dan BN juga,” katanya.

Semalam, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, cadangan rundingan kerjasama antara Pas dengan PPBM masih sukar untuk dimuktamadkan, malah mengangap gabungan politik bersama DAP, PAN, PKR dan PPBM tidak sesuai dengan konsep perjuangan partinya.

Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir mengakui Pas memiliki pengaruh yang kuat untuk me-



DR. MAHATHIR MOHAMAD

mecahkan undi pembangkang sekali gus boleh memberi kelebihan kepada BN.

“Pas mendakwa mereka tidak boleh bekerjasama dengan DAP serta PAN dan ini merupakan alasan yang tidak baik kerana mereka telah bekerja dengan DAP sebelum ini,” katanya.

Beliau turut menasihatkan parti-parti pembangkang mengetepikan sebarang perbezaan politik dalam usaha menewaskan BN.

“Dalam usaha untuk berbuat demikian, kita mesti lupakan beberapa isu yang dibangkitkan. Perkara itu tidak begitu penting selain mengalahkan BN,” katanya.

Sementara itu, dalam majlis dialog anjuran PAN Titiwangsa dan Seputeh semalam, Dr. Mahathir berkata, tempoh untuk Pas berbincang bagi mengadakan kerjasama dengan gabungan Pakatari



Kita telah bersedia untuk pertarungan tiga penjur. Kita perlu menentang Pas. Kami rasa dalam kebanyakan keadaan, kita boleh menewaskan Pas dan BN juga.”

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Pengerusi PPBM

Harapan telah berakhir.

“Kita telah buat keputusan, masanya sudah tiba dan kita akan putus dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM tak lama lagi.

“Hasrat PPBM, jika Pas tak nak sertai (pakatan) Harapan, PPBM akan berada dalam pakatan. Kalau Pas tak nak, (biar) tak naklah,” katanya seperti dipetik dalam portal propembangkang *Malaysiakini*.